

16 JAN 1998

DR MAHATHIR RASMI KOMPLEKS STAR PARADE DI ALOR SETAR

ALOR SETAR, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini merasmikan Kompleks Membeli-belah Star Parade di Jalan Teluk Wanjah di sini.

Kompleks itu menyediakan antara lain satu-satunya pasar raya besar di bandar ini.

Ia dibangunkan oleh Jejak Timuran Sdn Bhd, syarikat usaha sama antara Pengiran Mewah Sdn Bhd, Permodalan Kedah Berhad dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah.

Kompleks empat setengah tingkat di kawasan seluas 1.84 hektar itu dibina sejak Ogos 1995 dan siap pada Januari tahun lepas.

Selepas perasmian itu, Dr Mahathir dijadual ke Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam untuk berbuka puasa. -- BERNAMA

JM MAI